



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

PTPTN ANJUR PROGRAM FLICK TAHUN 2022

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sentiasa menyokong usaha memartabatkan sektor pendidikan tinggi negara dengan melaksanakan pelbagai program berimpak bagi membantu meningkatkan akademik dan kebajikan para pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).
2. Pada tahun 2022, PTPTN menganjurkan program bersama pelajar IPTA iaitu **Program Literasi Kewangan dan Persediaan Kerjaya (FLICK)**. Ia merupakan antara komitmen PTPTN dalam menunaikan tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi menyumbang kepada kebolehpasaran graduan ke arah menyediakan graduan yang berkualiti sekali gus meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.
3. Program ini melibatkan 14 IPTA di seluruh negara dengan fokus utama memberi pendedahan kepada para pelajar tentang ilmu pengurusan kewangan dan membantu pelajar membuat persediaan awal sebelum melangkah ke alam kerjaya serta peluang-peluang pasaran selepas tamat pengajian. Selain menyasarkan penyertaan seramai 100 pelajar daripada setiap IPTA terlibat yang terdiri dalam kalangan peminjam PTPTN tahun akhir pengajian, program selama satu setengah hari ini turut menyediakan pelbagai pengisian menarik oleh penceramah dan pakar motivasi berpengalaman.
4. Sebagai peneraju tabung pendidikan tinggi negara, penganjuran program ini juga adalah sebagai sokongan PTPTN kepada Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025 yang dilancarkan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) tahun lalu dalam membantu merencanakan kembali aktiviti kebolehpasaran graduan.

5. Menurut Ketua Eksekutif PTPTN, Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, “Dalam keadaan ekonomi yang mencabar, isu kebolehpasaran pasaran tidak wajar dipandang ringan. Justeru, penganjuran program FLICK dengan kerjasama IPTA yang terlibat merupakan satu pendekatan proaktif untuk melengkapkan pelajar dengan pelbagai kemahiran sebagai persediaan sebelum melangkah ke alam kerjaya sekali gus meningkatkan daya saing graduan dalam pasaran pekerjaan.”

6. “Program FLICK ini juga memberi pendedahan berkenaan kemahiran pengurusan kewangan yang sesuai dan relevan dengan keperluan semasa. Pelajar perlu diberikan kesedaran awal bahawa mengutamakan penabungan merupakan salah satu cara terbaik dalam mengurus kewangan dan membuat pilihan bijak dengan memilih produk simpanan yang menawarkan manfaat serta pulangan yang berbaloi. Produk simpanan PTPTN iaitu Simpan SSPN merupakan antara pilihan bagi instrumen simpanan untuk persediaan pendidikan sebagai jaminan masa hadapan.”

7. Beliau berkata demikian selepas Majlis Perasmian Penutup Program Literasi Kewangan dan Persediaan Kerjaya (FLICK) Pelajar IPTA Tahun 2022 di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang yang berlangsung pada 25 hingga 26 Jun 2022 yang disempurnakan oleh YBhg. Dato’ Prof. Dr. Husaini bin Omar, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, KPT. Hadir bersama semasa majlis tersebut adalah YBrs. Prof. Dr. Azlinda Azman, Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni, USM dan Puan Mastura Mohd Khalid, Ketua Pegawai Operasi, PTPTN.

8. Sebelum ini, Program FLICK Tahun 2022 telah berlangsung di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) pada 14 hingga 15 Jun 2022 dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada 18 hingga 19 Jun 2022 serta akan disusuli dengan 11 IPTA lain.